

Dr. Mahathir puas hati perkembangan projek pembangunan di Langkawi

UM 3 SEP 2007
LANGKAWI 2 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meninjau perkembangan beberapa projek pembangunan serta melawat kawasan paya bakau yang menjadi tumpuan pelancong sekitar Langkawi.

Dr. Mahathir yang membuat lawatan mengejut ke beberapa tapak projek meluahkan masa lebih lima jam untuk mengunjungi tempat-tempat berkenaan dan mendengar taklimat mengenainya.

Menurut Perdana Menteri, beliau secara keseluruhannya berpuas hati kerana projek-projek pembangunan di pulau legenda itu berjalan lancar.

“Projek membina, menyelenggara dan membaik pulih kapal layar di Tanjung Lembung nampak banyak perkembangan dan telah dibesarkan sedikit projek itu,” katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sempena lawatan dua hari ke sini bermula semalam.

Beliau merujuk kepada kawasan seluas 4.8 hektar hasil usaha sama Penang Shipbuilding and Construction Sdn. Bhd. (PSC) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Dr. Mahathir berkata, beliau juga berpuas hati dengan perkembangan projek kereta kabel yang terletak bersebelahan kawasan membeli-belah bebas cukai, Oriental Village di Teluk Burau, kira-kira 35 kilometer dari Kuah.

“Saya yakin mereka akan dapat sediakan kereta kabel pada bulan April tahun depan sementara limbungan untuk kapal layar di Tanjung Lembung ini boleh digunakan sebelum Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) bulan depan,” katanya.

Apabila siap kelak, projek itu akan menjadi jaringan kereta kabel jenis gondola enam tempat duduk yang terpanjang di dunia yang membabitkan jarak keseluruhan sepanjang 2.2 kilometer dan menghubungkan Oriental Village dengan puncak Gunung Mat Chinchang setinggi 708 meter.

Dr. Mahathir memulakan lawatan dengan menaiki bot untuk melawat hutan paya bakau di Kilim serta menyaksikan daya tarikan terbaru Langkawi iaitu suasana berpuluh ekor burung helang berebut makanan di Sungai Kilim.

“Pemandangan hutan paya bakau di sini adalah yang terbaik sekali. Saya telah pergi banyak hutan paya bakau di negara lain tetapi tidak ada satu pun yang begitu cantik seperti di sini,” ujarnya.

Beliau yang memandu sendiri kereta pacuan empat roda kemudiannya memasuki pekan Kuah untuk meninjau keadaan persekitaran serta jeti.

Dr. Mahathir juga kemudian diberi taklimat tentang perkembangan projek pemulihan Pantai Kok dan benteng penahan ombak bernilai RM29.6 yang bakal menjadi pusat rekreasi awam serta pemangkin kepada kawasan pembangunan baru di utara Langkawi.

Beliau juga singgah melihat perkembangan projek pengindahan Sungai Kuala Melaka yang dibangunkan dengan kos RM28 juta dan dijadual siap Jun tahun depan.

Dr. Mahathir berkata, para pelancong nampaknya semakin berminat untuk datang melancong ke Langkawi apabila seramai 1.1 juta pelancong dilaporkan tiba sejak Julai lalu.